

KUMPULAN BANK ISLAM CATAT KENAIKAN 9.0% PENDAPATAN BERSIH KEPADA RM673.5 JUTA BAGI 1Q2025

Dipacu oleh pertumbuhan kukuh pembiayaan dan pendapatan bukan berdasarkan dana

SOROTAN UTAMA

- Jumlah Pendapatan Bersih Kumpulan meningkat 9.0% kepada RM673.5 juta, dirangsang kenaikan lebih 50% tahun-ke-tahun (y-o-y) dalam pendapatan bukan berdasarkan dana dan pertumbuhan 2.1% y-o-y pendapatan berdasarkan dana bersih.
- Keuntungan Bersih bagi suku pertama direkodkan pada RM126.3 juta.
- Jumlah Aset bertambah sebanyak 8.0% y-o-y kepada RM98.3 bilion, disumbangkan oleh pelaburan lebih tinggi dalam sekuriti serta pertumbuhan dalam pembiayaan pengguna dan komersial.
- Kualiti aset yang baik dengan nisbah pembiayaan terjejas kasar dan kos kredit pembiayaan masing-masing berada pada tahap 1.08% dan 0.46%
- Deposit pelanggan dan akaun pelaburan kekal teguh dengan mencatatkan kenaikan 5.5% y-o-y, disokong oleh komposisi akaun semasa, simpanan dan pelaburan transaksi (CASATIA) yang sihat pada 37.2%.
- Kumpulan mengekalkan kedudukan modal yang kukuh dengan jumlah nisbah modal 18.7%.

KUALA LUMPUR, Jumaat, [30 Mei 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM673.5 juta untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2025 (1Q2025), menandakan peningkatan 9.0% y-o-y berbanding tempoh sama pada 2024. Sebahagian besar daripada pertumbuhan tersebut dipacu oleh lonjakan 50.3% dalam pendapatan bukan berdasarkan dana yang mencecah RM133.6 juta. Kenaikan tersebut disokong oleh pendapatan fi dan komisyen lebih tinggi, peningkatan pendapatan transaksi pertukaran asing dan laba bersih daripada jualan sekuriti pelaburan.

Pendapatan Bersih terus disokong oleh kenaikan 2.1% Pendapatan Berasaskan Dana Bersih, kepada RM539.9 juta, dipacu pertumbuhan y-o-y dalam pembiayaan dan pelaburan sekuriti.

Peruntukan Bersih Kumpulan untuk Pembiayaan Terjejas dan Pendahuluan naik sebanyak RM37.5 juta kepada RM79.8 juta pada suku dalam kajian, sebahagian besar disebabkan oleh peningkatan dalam Pembiayaan Terjejas Bersih Baharu. Sungguhpun demikian, Kumpulan mengekalkan kualiti aset yang teguh dengan Nisbah Pembiayaan Terjejas Kasar berada pada 1.08% setakat 31 Mac 2025, lebih rendah berbanding purata industri sebanyak 1.42%.

Keuntungan Bersih berada pada RM126.3 juta bagi 1Q2025, diterjemah kepada Pendapatan Sesaham Kumpulan sebanyak 5.57 sen dan Pulangan Bersih Ekuiti tahunan 7.0%.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kumpulan telah menunjukkan prestasi suku tahun pertama 2025 yang sederhana, dipacu pertumbuhan strategik dan komitmen terhadap kelestarian. Sebagai sebuah institusi kewangan patuh Syariah yang berpandangan jauh, Bank Islam terus berkembang seiring jangkaan pelanggan, pada masa sama memanfaatkan kemajuan teknologi dalam kewangan Islam. Fokus berterusan kami terhadap perbankan bertanggungjawab dan pertumbuhan

mampan jangka panjang memperkuuh kepimpinan Bank Islam membentuk ekosistem kewangan lebih inklusif, berdaya tahan dan bersedia untuk masa depan.”

Pada akhir Mac 2025, Jumlah Aset Kumpulan berada pada RM98.3 bilion, mencerminkan pertumbuhan 8.0% y-o-y, dirangsang oleh peningkatan dalam sekuriti pelaburan dan pembiayaan. Manakala, Aset Bersih Sesaham bernilai RM3.41.

Pembiayaan Kasar mengukuh 6.0% y-o-y kepada RM71.8 bilion, dipacu oleh kenaikan 6.5% dalam pembiayaan pengguna dan 10.4% dalam pembiayaan komersial.

Deposit dan akaun pelaburan pelanggan meningkat 5.5% y-o-y kepada RM80.6 bilion. Setakat Mac 2025, Akaun Semasa, Simpanan dan Pelaburan Transaksi (CASATIA) berada pada tahap RM30.0 bilion, mewakili komposisi sihat 37.2%.

Nisbah Jumlah Modal kekal teguh pada 18.7% setakat 31 Mac 2025. Angka ini mencerminkan kedudukan modal dan daya tahan berterusan Kumpulan.

Memperkuuh Kerjasama dan Memajukan Komitmen Kemampunan

Strategi pertumbuhan perniagaan Bank Islam untuk tahun 2025 mengutamakan pengembangan pengurusan kekayaan, Ar-Rahnu dan perkhidmatan pertukaran wang asing atau *bureau-de-change*, di samping memperkuuhkan kerjasama dengan subsidiarinya, BIMB Investment Management Berhad and BIMB Securities Sdn Bhd. Pada masa sama, Kumpulan akan terus berusaha untuk memperoleh aset dalam sektor hijau, lestari dan mempunyai pertumbuhan pesat, seterusnya menyesuaikan objektif perniagaannya dengan agenda kemampunan jangka panjang.

Meneruskan komitmennya untuk menyampaikan penyelesaian bersifat holistik dan bertumpukan pelanggan, Bank Islam telah memeterai persetujuan perkhidmatan bancatakaful selama lima tahun dengan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (Takaful Malaysia) pada 20 Mac 2025. Kerjasama tersebut akan memperluas penawaran takaful sedia ada termasuk *Takaful mySmart Wealth Plus*, *Takaful myPrime Cover* dan *Takaful mySmart Legacy*. Penyelesaian-penyelesaian ini akan tersedia di semua cawangan Bank Islam dan saluran jualan di seluruh negara, sekali gus memperkuuh peranan Kumpulan sebagai penyedia perkhidmatan kewangan patuh Syariah lengkap yang dipercayai.

Bank Islam terus meningkatkan perkhidmatan Ar-Rahnnya dengan memperluas penawaran produk serta kebolehcapaian, sekali gus memajukan lagi penyelesaian kewangan patuh Syariah untuk memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah. Bank Islam memperkenalkan Akaun-i Emas Bank Islam (BiGA-i) pada 28 Oktober 2024. BiGA-i, produk kelas aset baharu berasaskan fi ini tersedia melalui cawangan-cawangan Bank Islam dan aplikasi perbankan mudah alih BIMB Mobile. Ia menawarkan kaedah mudah dan fleksibel untuk individu melabur dalam emas. Dengan prestasi kukuh pada suku tahun pertama, strategi harga berdasarkan nilai produk ini membantu pulangan maksimum. Ia juga mempunyai proses penyertaan digital sepenuhnya dengan keperluan dokumentasi yang minimum, diintegrasikan dengan Sistem Teras Perbankan Bank Islam bagi memastikan urus niaga yang selamat dan lancar.

Bank Islam terus meletakkan kelestarian dalam teras strateginya. Ia kekal bertekad menangani cabaran sosial dan alam sekitar, khasnya perubahan iklim dan peningkatan kehidupan masyarakat. Kewangan sosial kekal menjadi teras utama pendekatan ini, diterajui oleh pemacu kewangan sosial yang diiktiraf globalnya, Sadaqa House.

Sejumlah RM5.7 juta dalam sokongan kewangan bersasar telah disalurkan kepada usahawan-usahawan mikro dan masyarakat kurang mendapat perkhidmatan perbankan menerusi Sadaqa House, Program Pembangunan Keusahawanan iTEKAD, Tabung Anak Yatim Sadaqa House dan pelbagai projek sosial lain.

Program-program ini membiayai usaha pembangunan keupayaan perniagaan mikro, menyokong keperluan pendidikan dan penjagaan kesihatan serta memperkasa keupayaan masyarakat terpinggir. Usaha ini menggalakkan rangkuman kewangan, memperkasa kehidupan dan memperkuuh peranan Bank Islam dalam membentuk sebuah ekonomi yang lebih adil, berdaya tahan dan didorong tujuan.

Bagi membimbing agenda kelestariannya, Bank Islam telah membangunkan Polisi Kelestarian Kumpulan yang lengkap, rangka kerja untuk amalan-amalan alam sekitar, sosial dan beretika bagi memupuk ekonomi positif alam dan memastikan pertumbuhan inklusif segenap masyarakat. Berpaksikan enam objektif strategik, Bank Islam teguh mencapai matlamat strategik lima tahun (LEAP25) yang ditetapkan bagi memastikan pembentukan nilai jangka panjang untuk semua pemegang taruh.

Mohd Muazzam menambah, "Bank Islam menyampaikan nilai mampan kepada pihak-pihak berkepentingan, disokong oleh asas teguh, rangka kerja strategik jelas serta tawaran nilai tersendiri yang seiring dengan penjanaan pendapatan bersama pertumbuhan mampan dan kepatuhan terhadap prinsip ESG. Asas kukuh ini membolehkan kami mengukuhkan kedudukan sebagai salah satu peneraju dalam sektor perbankan Islam."

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.my.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.